



IKLAN JAWATAN KOSONG
MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA
<http://www.mphtj.gov.my>

Permohonan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) seperti berikut :

A. PEGAWAI VETERINAR GRED GV41

1. (a) Jawatan : Pegawai Veterinar Gred GV41
(b) Jabatan : Jabatan Zoo
(c) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Dan Profesional
(d) Klasifikasi perkhidmatan : Pertanian
(e) Jadual Gaji :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
2,697.00	9,551.00	225.00

2. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
- (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan kelayakan seperti berikut;
 - (c) (i) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar atau ijazah dalam ilmu perubatan veterinar atau sains veterinar yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
(ii) berdaftar di bawah Seksyen 12(1) Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147) selaras dengan senarai kelayakan-kelayakan di Bahagian 1 Jadual Kedua; dan
(Gaji permulaan ialah pada Gred GV41: RM2,696.99)
(iii) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (**sekurang-kurangnya Gred C**) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
3. Deskripsi Tugas : • Bertanggungjawab terhadap aspek kesihatan pemakanan dan pengendalian klinik haiwan di Zoo Melaka

4. Taraf Jawatan : **KONTRAK (1 KEKOSONGAN)**

CARA MEMOHON :

- i. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan Jawatan Kosong Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya yang boleh didapati dari laman web MPHTJ iaitu <http://www.mphtj.gov.my> atau datang sendiri ke Aras 2, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.
- ii. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan **keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Melaka.**
- iii. Permohonan hendaklah disertakan dengan **sesalinan sijil-sijil kelayakan dan dokumen yang disahkan.** Permohonan yang **tidak lengkap dan tidak memenuhi** syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan **ditolak dengan serta merta**
- iv. Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan salinan kenyataan perkhidmatan yang telah dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) terkini dan dihantar melalui majikan masing-masing.
- v. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar di dalam sampul surat berukuran 32sm x 22sm. Di sudut atas sebelah kiri sampul hendaklah ditulis **NAMA JAWATAN** yang dipohon.
- vi. Alamat permohonan dan tarikh tutup permohonan :

**Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
SF-01, Aras 2,
Kompleks Melaka Mall,
Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh,
75450 Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, Melaka
(U.P : BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)**

**TARIKH BUKA PERMOHONAN : 19 MEI 2021
TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 1 JUN 2021**